Selasa, 3 Ogos 2021, 11:07am

App Store Google Play

NASIONAL KES POLITIK PENDIDIKAN WILAYAH

# Hanya tiga peratus belum divaksin

Oleh Luqman Arif Abdul Karim - Ogos 2, 2021 @ 1:25pm
luqman.arif@bh.com.my




PUTRAJAYA: Baki kira-kira tiga peratus individu dewasa di Lembah Klang yang belum mendapatkan suntikan vaksin COVID-19, akan diberikan janji temu secepat mungkin.

Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK), Khairy Jamaluddin Abu Bakar, berkata usaha pasca Operasi Lanjutan Kapasiti itu diunjurkan selesai dalam tempoh minggu pertama bulan ini.

Katanya, kerajaan akan menerapkan dua kaedah strategik bagi memastikan semua individu dewasa di Lembah Klang berupaya mendapat suntikan imunisasi.

"Operasi Lonjakan Kapasiti di Lembah Klang walaupun tidak berjaya 100 peratus, tetapi kita berupaya memberikan janji temu dan vaksin kepada 97 peratus daripada individu dewasa.

DISYORKAN UNTUK ANDA

- 10 PPV, program jangkauan vaksin 'walk in' di Lembah Klang
- Imuniti kelompok boleh kurangkan kes COVID-19 di ICU
- Yakin 80 peratus terima vaksin di Lembah Klang menjelang 1 Ogos
- Vaksinasi 'walk-in' warga emas mulai esok

"Baki yang ada, iaitu tiga peratus lagi, meliputi mereka yang terpaksa batalkan janji temu atau tidak hadir kerana sebab tertentu, akan

TERKINI PILIHAN PEMBACA

- 3m Keseimbangan biodiversiti kekang penyakit bawaan haiwan
- 4m Anggota militan maut dalam insiden tembakan di Pattani
- 18m OLIMPIK: Barshim, Tamberi buat dunia kagum
- 19m Pemberian vaksin secara 'walk-in' dapat sambutan
- 19m Polis pertingkat kawalan terhadap PKPD Bukit Malut
- 25m 2 strategi vaksinasi di Lembah Klang
- 26m Tangguh sidang Dewan Negara, 16 Senator serah memorandum
- 28m Julia buktikan kemampuan dalam dunia nuklear

diselesaikan (diberi janji temu dan suntikan vaksin) pada minggu pertama Ogos.

"Dua keadah akan digunakan bagi tujuan ini, iaitu menerusi 'walk in' mengikut dua kategori penerima seperti kita umumkan sebelum ini, manakala satu lagi ialah program jangkauan komuniti.

"Program jangkauan komuniti lebih menyasarkan kepada golongan yang tinggal di pinggir bandar supaya mereka juga tidak tercicir daripada mendapat perlindungan imunisasi," katanya pada sidang media, di sini, hari ini.

Khairy yang juga Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi berkata Operasi Lonjakan Kapasiti di Lembah Klang, dari 26 Julai lalu hingga semalam menyaksikan 96.7 peratus daripada 1,655,217 individu dewasa diberikan sekurang-kurangnya satu dos suntikan pelalian.

Selain itu, katanya, sebanyak 37.5 peratus daripada populasi individu dewasa di Kuala Lumpur dan Selangor sudah menerima suntikan imunisasi lengkap.

"Individu di Lembah Klang yang belum mendapat janji temu boleh 'walk in' tetapi jangan datang terlalu awal sehingga mengundang kesesakan di sembilan PPV seperti disenaraikan sebelum ini.

"Ini kerana pengagihan vaksin kepada lebihan individu dewasa di Lembah Klang akan berlangsung sehingga 22 Ogos," katanya.




PPV Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) tidak lagi sesak semalam. - Foto NSTP/EIZAIRI SHAMSUDIN

## VAKSIN


WILAYAH Ogs 2, 2021 @ 8:30pm
Saringan kontak rapat penyumbang kes COVID-19


NASIONAL Ogs 2, 2021 @ 8:04pm
Vaksinasi 'walk in' di PPV Hotel Movenpick dapat sambutan


NASIONAL Ogs 2, 2021 @ 6:32pm
Perlis, Sarawak & Labuan beralih fasa 3 Rabu ini


WILAYAH Ogs 2, 2021 @ 4:28pm
Jenazah pesakit COVID-19 meningkat setiap hari


NASIONAL Ogs 2, 2021 @ 3:39pm
KKM masih guna sistem HIDE - Khairy


NASIONAL Ogs 2, 2021 @ 3:09pm
Jangkitan COVID-19 tinggi seminggu lagi

## TRENDING


PENDIDIKAN 2 jam yang lepas
Guru tertekan sekolah tidak ikut arahan


OLAHRAGA Ogs 2, 2021 @ 10:29pm
OLIMPIK: Jackson tersingkir selepas berjoging ke garisan penamat


NASIONAL Ogs 2, 2021 @ 9:22pm
Ramai serbu pusat suntikan secara 'walk-in'


ASIA Ogs 2, 2021 @ 3:36pm
China mula bergelut dengan varian Delta


NASIONAL Jul 28, 2021 @ 8:00pm
Filem 'SAW' versi korea 'The Closed Ward' mula ditayang di tonton CINEMA.

## MYRESIPI


RESEPI Jul 11, 2021 @ 12:43pm
Resepi Chicken Wings Ala 4 Fingers, Lagi Jimat & Puas Makan Di Rumah



**Bukan 'Loser', Tapi Ini Kekuatan Luarbiasa Orang Yang 'Single' & Hidup Sendiri...**

IKUTI KAMI DI:

BERITA
BHPLUS
Nasional
Kes
Politik
Pendidikan
Wilayah

SUKAN
DUNIA
HIBURAN
BISNES
RENCANA
WANITA
HUJUNG MINGGU

MULTIMEDIA
Foto
BHTV
Infografik

LANGGAN
Akhbar Digital
Akhbar BH

PERKHIDMATAN
Iklan Web
1Klassifieds
NSTP KLiK

2021 © BH, New Straits Times Press (M) Bhd. A part of Media Prima Group
Redaksi Disclaimer Notis Perlindungan Data Peribadi